



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MINI FESTIVAL  
MAKANAN DAN KESENIAN KAMPONG BHARU**

**24 FEBRUARI 2024**

**MEDAN PINTASAN SALOMA  
KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**Yang Berbahagia**

**Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

Ketua-ketua Agensi

**Yang Berusaha**

**Dr. Amir Raslan Abu Bakar**

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Pegawai-pegawai kanan JWP dan Agensi

Rakan-rakan media,

Dan para hadirin sekalian

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama berhimpun sempena meraikan Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampong Bharu sempena Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir untuk merayakan kekayaan warisan masakan Melayu dan seni budayanya yang membanggakan dari kampung tercinta kita.

3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu atau PKB dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan festival ini.
4. Dalam kemeriahan ini, masih belum terlambat juga untuk saya ucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Wilayah Persekutuan ke-50.
5. Peristiwa istimewa, jubli emas ini meperlihat perjalanan yang cemerlang dan pencapaian yang gemilang dalam membangun dan mengukuh kesatuan serta keharmoniaan warga Wilayah Persekutuan.

# **MINI FESTIVAL MAKANAN DAN KESENIAN KAMPONG BHARU**

Para hadirin sekalian,

6. Saya difahamkan Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampung Bharu yang merupakan inisiatif Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) terlibat bagi meraikan penduduk Kampung Bharu dan pengunjung serta memeriahkan lagi festival ini.

7. Mengimbau kembali pada tahun 2016, dengan penglibatan lebih 60 buah gerai dan *food truck* yang menyediakan juadah makanan Melayu, Festival Makanan Melayu Kampong Bharu julung-julung kalinya dianjurkan sebagai salah satu usaha dalam mempromosikan Kampong Bharu sebagai lokasi pilihan pelbagai jenis makanan.
  
8. Malah, sebuah aplikasi mudah alih dikenali sebagai *Mobile Apps Kampong Bharu Food Haven* juga pernah dilancarkan bagi memudahkan para peminat makanan Melayu mencari gerai dan pelbagai jenis hidangan di Kampong Bharu.

9. Tidak dilupakan juga pada tahun seterusnya, festival ini turut diadakan bagi mengetengahkan hampir 100 jenis menu juadah makanan rakyat Malaysia dan kuih-muih tradisional Melayu, selain penjualan kepelbagaian hasil kraftangan tempatan kepada para pengunjung.
  
10. Pada tahun ini, “Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampong Bharu” kembali semula dengan pelbagai aktiviti menarik seperti penjualan makanan dan barangan kraf, persembahan kebudayaan, serta pertandingan memasak antara kampung.

11. Penganjuran mini festival ini bukan sahaja membawa kegembiraan dalam kalangan pengunjung, malah memberi impak yang positif terhadap ekonomi tempatan. Kepelbagaian aktiviti yang menarik membantu meningkatkan pendapatan peniaga di Kampong Bharu, sekaligus memberikan sokongan kepada industri kreatif tempatan.
  
12. Ini lah yang saya katakan sebagai melestarikan pelancongan di Wilayah Persekutuan, yang merupakan satu daripada enam fokus utama Sejahtera @ WP, iaitu dengan meningkatkan tahap *tourist experience journey* yang akan memberikan pengalaman kepada

pengunjung untuk kembali semula ke Kampong Bharu sebagai *return tourist*.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Melalui Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampong Bharu ini, saya turut berharap dapat memperkukuhkan lagi ikatan sosial dan semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti tempatan sambil meraikan kepelbagaian budaya dan keunikan warisan kita.

14. Marilah kita bersama-sama menikmati kegembiraan dan kehangatan sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan ini sambil meneruskan warisan yang telah terjalin selama setengah abad ini.
  
15. Festival Makanan dan Kesenian Kampong Bharu ini bukan sekadar menyediakan pengalaman menikmati hidangan dan pertunjukan seni budaya semata-mata, sebaliknya, ia membawa makna yang lebih mendalam, bertujuan untuk memperkuat komuniti tempatan, mewarisi nilai nilai tradisi dari nenek moyang dan mengukuhkan ikatan ukhuwah di antara warga tempatan.

16. Festival ini juga boleh menjadi wadah untuk menggalakkan kesedaran terhadap kekayaan warisan budaya yang menjadi kebanggaan kita, serta memikat minat generasi akan datang untuk meneruskan warisan yang berharga ini dalam sejajar dengan kemajuan zaman. Inisiatif ini dijalankan dengan hasrat untuk lebih mempromosikan Kampong Bharu sebagai destinasi gastronomi utama.
  
17. Untuk makluman para hadirin, Tapak Festival ini akan dikekalkan sebagai lokasi tetap untuk penganjuran program, festival, dan acara secara berkala yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian

Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Ianya secara tidak langsung akan mengembangkan aktiviti ekonomi dan budaya di Kampong Bharu.

## **PROJEK DATARAN KAMPONG BHARU**

Para hadirin sekalian,

18. Sejajar dengan kepesatan ibu kota Kuala Lumpur ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan projek Dataran Kampong Bharu bakal dilaksanakan pada awal Mac 2024 ini.

19. Projek ini merupakan sebahagian dari inisiatif usaha pihak Kerajaan dalam menjayakan Pembangunan Semula Kampong Bharu.
  
20. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penambahan fasiliti awam, termasuk menaik taraf padang bola sepak kepada kondisi yang lebih baik, penyediaan tempat letak kenderaan, taman rekreasi serta gerai-gerai untuk kemudahan dan keselesaan orang ramai yang jelas mencerminkan usaha holistik pihak Kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur komuniti di Kampong Bharu ini.

## **PENUTUP**

21. Saya berharap agar festival ini tidak hanya terhenti di sini tetapi juga terus berkembang dan menjadi fokus utama dalam kalendar kebudayaan negara kita.
  
22. Mari kita terus bersama-sama mempromosikan warisan budaya tempatan dan mewujudkan platform yang lebih besar bagi penduduk Kampong Bharu yang berbakat untuk berkembang dan bersinar.

23. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak terlibat yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampong Bharu pada kali ini. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengajak penduduk dan peniaga di Kampong Bharu untuk menjaga persekitaran dengan lebih teratur.
24. Kita perlu memastikan premis kita kekal bersih bagi mencegah wujudnya haiwan perosak, memastikan tandas-tandas sentiasa dalam keadaan bersih, dan meningkatkan cara penyajian makanan serta hiasan agar lebih

menarik. Kebersihan tempat perniagaan kita akan menarik lebih ramai pengunjung dan dapat meningkatkan lagi perniagaan kita.

25. Adalah tidak mustahil, pada satu hari kelak kunjungan ke Kampong Bharu bakal merupakan kemestian kepada pelancong-pelancong ke Kuala Lumpur.
26. Malah saya percaya dengan kerjasama erat dari agensi-agensi berkaitan pelancongan, Kampong Bharu berpotensi menjadi destinasi tetap atau koridor pelancongan Kuala Lumpur yang utama.

27. Sehubungan itu, tidak mustahil sekiranya satu hari nanti, kunjungan ke Kampong Bharu bakal merupakan kemestian kepada pelancong-pelancong ke Kuala Lumpur, khususnya bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti.
  
28. Saya percaya, kerjasama erat dari agensi-agensi berkaitan pelancongan, Kampong Bharu berpotensi menjadi destinasi tetap atau koridor pelancongan Kuala Lumpur yang utama.

29. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Mini Festival Makanan dan Keseniaan Kampong Bharu.
  
30. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.